

Gokhale, A.A. 1996. Effectiveness of computer simulation for enhancing higher order thinking. *Journal of Industrial Teacher Education*, 33 (4), 36-46.

Harkow, R.M. 1996. *Increasing creative thinking skills in second and third grade gifted students using imagery, computers and creative problem solving*. Unpublished master's thesis. NOVA Southeastern University.

Jordan J. Peter, 1997. "Representation & Design, Introduction", ACADIA 1997, p1-3 Kalisperis, L.N & Pehlivanidou - Liakata, A. 1998. Architectural Design Studio : Digital and Traditional. *International Workshop Proceedings*. Leuven, Belgium. 13 - 14 November. pp 73 - 81.

Vijayalakshmi Koti. 1997. Hypermedia in Architectural Education : The World Wide Web as a Learning Tool. University of Washington. Jun 9.

Menn, D. (1993, October). Multimedia in education. *PC World*, M52-M60.

## TAHAP KESEDARAN PELAJAR HOSPITALITI TERHADAP AMALAN KESELAMATAN BENGKEL DI KOLEJ KOMUNITI SELAYANG

Rodziah Binti Ibrahim<sup>1</sup>, Mazlina Binti Salleh<sup>2</sup>, Diana Binti Mohd Yusof<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Program Sijil Pastrri,  
Kolej Komuniti Selayang

<sup>2</sup>Program Sijil Rekabentuk Dalaman,  
Kolej Komuniti Selayang

<sup>3</sup>Program Sijil Operasi Perhotelan,  
Kolej Komuniti Selayang

rodziah@kkselayang.com, mazlina4004@gmail.com, diana@kkselayang.edu.my

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mendapat maklumbalas mengenai tahap kesedaran pelajar Hospitaliti terhadap keselamatan bengkel di Kolej Komuniti Selayang. Sampel kajian adalah seramai 100 responden daripada 2 program iaitu Sijil Pastrri dan Sijil Kulinari. Kajian berbentuk tinjauan yang menggunakan instrument kajian iaitu soal selidik. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS). Di dalam kajian ini, empat aspek amalan keselamatan telah dikenalpasti iaitu peraturan keselamatan, persekitaran bengkel, sikap pelajar serta kemahiran pelajar menggunakan peralatan bengkel. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan satu pembolehubah tidak bersandar iaitu tahap kesedaran terhadap keselamatan dan pembolehubah tidak bersandar iaitu peraturan bengkel, persekitaran bengkel, sikap pelajar serta kemahiran. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan ia telah menunjukkan bahawa faktor-faktor yang telah dikenalpasti sebenarnya mempengaruhi tahap kesedaran pelajar Hospitaliti terhadap amalan keselamatan bengkel Kolej Komuniti Selayang. Walaubagaimanapun, masih ada lagi langkah-langkah seterusnya yang boleh diambil bagi meminimakan kemalangan yang boleh berlaku di dalam bengkel.

**Kata Kunci:** Kesedaran pelajar Hospitaliti terhadap amalan keselamatan bengkel

### 1.0 Pengenalan

Kita sering mendengar berita mengenai kemalangan yang berlaku di bengkel-bengkel institusi sama ada kemalangan yang kecil ataupun besar. Untuk pengetahuan kita, lebih satu pertiga daripada masa pelajar dihabiskan di bengkel institusi, dan lazimnya pelajar tidak menyedari bahawa di bengkel-bengkel inilah mereka terdedah kepada berbagai jenis bahaya kepada kesihatan seperti bahan kimia, bahaya fizikal dan persekitaran yang tidak selamat. Keselamatan persekitaran kawasan institusi

merupakan agenda yang seringkali menjadi perhatian masyarakat. Kemalangan di bengkel merupakan satu kerugian kepada sumber tenaga yang mana kemalangan seumpama ini masih boleh dielakkan.

### 1.1 Penyataan Masalah

Keselamatan merupakan satu aspek yang amat penting dan perlu dititikberatkan semasa berada di bengkel. Kebiasaannya kemalangan yang berlaku di bengkel-bengkel latihan adalah disebabkan kecuaiannya. Semua pihak termasuklah pensyarah dan pelajar mesti sentiasa beringat dan sentiasa mengamalkan langkah keselamatan semasa melakukan latihan praktikal di tempat-tempat latihan terutamanya ketika menggunakan peralatan mesin. Menurut kajian oleh Dilley dan Kleiner (1996) mendapati bahawa 85% hingga 98% kecederaan di bengkel adalah berpunca daripada perbuatan yang tidak selamat yang diamalkan oleh sesetengah individu yang cuai. Individu yang cuai inilah perlu diterapkan dengan kesedaran keselamatan yang merupakan aspek yang penting di bengkel.

Kebanyakan pelajar yang memasuki makmal tidak mempunyai persediaan yang baik sebelum memulakan sesuatu amali. Ini termasuklah mengetahui dan memahami langkah-langkah keselamatan dalam makmal dan tindakan-tindakan yang wajar yang sepatutnya diambil apabila berlakunya kemalangan semasa aktiviti dijalankan. Seharusnya setiap pelajar mempunyai perasaan yang mendalam tentang kesedaran ematuhi peraturan keselamatan makmal ketika menjalankan amali supaya keselamatan pelajar terjamin di samping dapat menimba pengalaman baru.

Di dalam sebuah institusi, peranan pelajar tentang amalan keselamatan di bengkel meliputi peraturan, persekitaran, sikap pelajar, kemahiran menggunakan peralatan kecil dan besar. Kegagalan mematuhi peraturan keselamatan di dalam bengkel boleh menyebabkan kemalangan. Kemalangan bukan sahaja boleh mengakibatkan kecederaan atau kematian, malah akan menyebabkan kerosakan harta benda. Oleh itu, peraturan keselamatan bengkel perlu diamalkan selalu bagi mengelakkan kemalangan terjadi. Terdapat tiga jenis punca kemalangan iaitu:-

- Kecuaian manusia
- Keadaan tempat kerja
- Keadaan peralatan atau mesin yang digunakan

Menurut Kurniotis (2001), kesilapan manusia dan kegagalan mesin berfungsi dengan baik merupakan faktor berlakunya kemalangan. Keselamatan dan kesihatan pekerjaan merupakan salah satu aktiviti pengurusan sumber manusia yang penting dan berperanan untuk memberikan perlindungan kepada pekerja dan kemalangan semasa menjalankan kerja (Ab. Aziz dan Intan, 2002).

**Jadual 1.1: Rekod Kemalangan Bengkel Kolej Komuniti Selayang**

Tempat	Bengkel	Kecederaan	Tahun
Kolej Komuniti Selayang	Kulinari (Khas)	Kecederaan di kaki	2013

### 1.2 Objektif bagi kajian ini adalah untuk:

- Mengenalpasti tahap kesedaran pelajar Hospitaliti Kolej Komuniti Selayang terhadap peraturan di bengkel latihan .
- Mengenalpasti kesesuaian persekitaran bengkel.
- Mengenalpasti sikap pelajar tentang amalan keselamatan di bengkel latihan.
- Mengenalpasti kemahiran pelajar dalam menggunakan peralatan di bengkel

### 1.3 Kepentingan Kajian

Bidang pengajian yang mantap perlu mengambil kira perkembangan dan keperluan semasa bagi memastikan kualiti pengajian yang tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Selain itu, ia juga boleh bertindak sebagai bahan rujukan kepada kolej komuniti dan memahami betapa pentingnya aspek keselamatan di bengkel-bengkel latihan. Keselamatan merupakan suatu perkara asas yang bukan hanya perlu diterapkan ketika melakukan kerja-kerja amali di bengkel ketika belajar tetapi juga penting untuk diamalkan serta dipraktikkan semasa di alam pekerjaan.

- Meningkatkan kesedaran pelajar dalam bengkel.
- Mempertingkatkan lagi peraturan dan amalan keselamatan di bengkel
- Membimbing pelajar mengamalkan budaya kerja yang selamat di bengkel
- Meningkatkan kemahiran pelajar dalam menggunakan peralatan bengkel

### 1.4 Skop Kajian

Skop kajian meliputi pelajar Hospitaliti Kolej Komuniti Selayang tentang tahap kesedaran pelajar di dalam bengkel latihan.

- Peraturan ketika di bengkel
- Persekitaran bengkel
- Sikap pelajar
- Kemahiran pelajar dalam menggunakan peralatan kecil dan besar

### 1.7 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah tinjauan terhadap 100 orang pelajar yang terlibat dengan amali bengkel latihan bagi Program Sijil Pastris dan Sijil Kulinari. Kaedah soal selidik akan dijalankan untuk mendapatkan maklumbalas mengenai tahap kesedaran pelajar hospitaliti terhadap amalan keselamatan bengkel.

Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A yang digunakan untuk mengisi maklumat peribadi responden. Bahagian B pula terdiri dari 26 soalan yang berbentuk skala likert 4 mata yang digunakan untuk mengkaji aspek-aspek yang berkaitan dengan kajian. Data dan maklumat yang diperolehi akan dianalisis untuk menentukan hasil kajian. Data akan dianalisis dengan menggunakan kaedah SPSS, versi 13

### 2.0 Kajian Literatur

Bab ini membincangkan sejarah perkembangan isu keselamatan dan kesihatan di Malaysia, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP 1994), konsep keselamatan dan kesihatan, dan kajian-kajian lepas.

#### 2.1 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 ( Akta 514)

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan memberi tanggungjawab kepada semua Pihak terlibat supaya mewujudkan sistem keselamatan dan kesihatan yang berkesan ditempat kerja termasuklah aspek polisi keselamatan, organisasi dan sistem kerja.

Tujuan Akta ini adalah:

- Untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang bekerja terhadap risiko kepada keselamatan atau kesihatan yang berbangkit daripada aktiviti-aktiviti orang-orang sedang bekerja;
- Untuk melindungi orang-orang di tempat kerja selain daripada orang-orang yang sedang bekerja terhadap risiko keselamatan atau kesihatan yang berbangkit daripada aktiviti orang-orang sedang bekerja;
- Untuk menggalakkan suatu persekitaran pekerjaan bagi orang-orang yang sedang bekerja yang disesuaikan dengan keperluan fisiologi dan psikologi mereka;
- Untuk mengadakan cara yang menurutnya perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang berkaitan boleh digantikan secara berperingkat-peringkat oleh sistem peraturan dan tata amalan industri yang diluluskan, yang berjalan secara bergabung dengan peruntukan Akta ini yang dimaksudkan untuk mengekalkan atau memperbaiki standard keselamatan dan kesihatan.

## 2.2 Kajian terhadap pelaksanaan amalan 5S dalam Sistem Pengurusan Kualiti di Kolej

Universiti Teknologi Tun Hussein On (KUiTTHO) oleh Muhammad Nazi (2009) Menurut Muhammad Nazi Hassan (2009) beliau mendapati sekiranya pelaksanaan amalan 5S diberi tumpuan maka ia secara langsung meningkatkan prestasi kerja dan dapat mengurangkan berlakunya kemalangan di tempat kerja. Kefahaman terhadap konsep amalan 5S dapat meningkatkan motivasi bekerja serta melahirkan pekerja yang sentiasa sihat dari segi mental dan fizikalnya. Alam sekitar yang bersih akan memberikan persekitaran kerja yang bersih dan selesa. Bahkan ia dapat memahami dengan lebih mendalam tentang kepentingan amalan 5S telah berjaya menanam dan meningkatkan nilai-nilai positif di dalam diri staf Politeknik Merlimau, Melaka seperti bertanggungjawab, kreatif dan inovatif, berdisiplin, kerja berpasukan, bangga dengan jabatan dan sayang kepada jabatan.

Merujuk kepada Zohar (1980) beliau menyatakan latihan keselamatan merujuk kepada program latihan yang disediakan kepada pekerja merangkumi kaedah dan prosedur keselamatan, tindak balas terhadap situasi kecemasan dan penilaian terhadap situasi yang membahayakan ditempat kerja. Syarikat-syarikat yang mempunyai kadar kemalangan yang rendah didapati memberikan latihan keselamatan yang baik kepada pekerja. Manakala Flynn (1994) mendapati penglibatan aktif pekerja dalam aktiviti keselamatan dan kesihatan Berjaya memupuk kesedaran keselamatan yang lebih baik selain digunakan sebagai strategi efektif untuk mendapatkan komitmen pekerja dalam meningkatkan tingkah laku pematuhan keselamatan.

Glendon dan Mckenna (1995) pula menyatakan bahawa komunikasi yang berkesan dan mudah difahami oleh pekerja dapat membantu mewujudkan komitmen pekerja untuk mematuhi peraturan dan melaksanakan kerja dengan selamat. Begitu juga dengan peraturan dan prosedur keselamatan yang berkaitan dengan penyediaan dan penguatkuasaan tatacara, prosedur atau garis panduan yang perlu dipatuhi bagi meningkatkan keselamatan di tempat kerja. Kajian keselamatan yang dijalankan oleh Cox dan Cheyne(2000) mendapat bahawa penyediaan peraturan dan prosedur keselamatan adalah factor penting dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kadar kemalangan. Sekiranya organisasi tersebut biasa menjalankan peraturan keselamatan kepada pekerja maka ia boleh menimbulkan kesedaran dan seterusnya mematuhi aspek keselamatan di tempat kerja

Selain itu, pelajar juga harus mempunyai pengetahuan mengenai keselamatan persekitaran. Ini termasuklah mengenai kedudukan peti pertolongan cemas, kedudukan alat pemadam api serta pengudaraan dan pencahayaan makmal. Kekurangan pengetahuan atau kefahaman boleh menyebabkan kemalangan berlaku. Setiap makmal atau bengkel perlu dilengkapi sekurang-kurangnya satu peti pertolongan cemas yang lengkap dengan peralatan pertolongan cemas dan bekalan perubatan. Secara umumnya, kit pertolongan cemas atau peti pertolongan cemas harus ada pada setiap makmal bagi menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya kemalangan atau kecederaan. Libau

(2002) menjelaskan pelajar seharusnya mengetahui di mana letaknya peralatan pertolongan kecemasan seperti kit pertolongan cemas supaya rawatan boleh dilakukan dengan segera sekiranya berlaku kemalangan atau kecederaan. Peti pertolongan cemas ini hendaklah diletakkan di tempat yang sesuai dan mudah diperolehi apabila diperlukan. Peti pertolongan cemas juga harus diperiksa secara berjadual bagi memastikan tidak ada ubat yang telah melepasi tarikh luput yang ditetapkan. Yazit @ Yajit (2008) dalam kajiannya mendapati pengetahuan dalam kedudukan dan penggunaan peti pertolongan cemas oleh pelajar berada pada tahap yang baik. Ini menunjukkan pelajar mengetahui ciri-ciri peti pertolongan cemas dan penggunaan item-item dalam peti pertolongan cemas dengan baik

## 3.0 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan satu set borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian utama iaitu; Bahagian A : Mengumpul maklumat mengenai jantina, umur, program pengajian dan kekerapan penggunaan bengkel dalam seminggu. Bahagian B : Soal selidik kajian penyelidikan yang terdiri daripada empat segmen iaitu Segmen A: Peraturan, Segmen B : Persekitaran Bengkel, Segmen C : Sikap Pelajar dan Segmen D : Kemahiran Menggunakan Peralatan Bengkel. Soal selidik Bahagian B menggunakan skala likert lima mata iaitu sangat tidak setuju(STS), tidak setuju (TS), tidak pasti (TP), setuju (S) dan sangat setuju (ST).

## 4.0 ANALISIS KAJIAN

### 4.1 Maklumat Demografi

Seramai 100 orang responden yang sedang mengikuti pengajian di Kolej Komuniti Selayang dalam bidang Sijil Kulinari dan Sijil Pastrri telah terlibat dalam kajian ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Daripada jumlah tersebut, didapati bahawa 44 responden (44%) adalah lelaki dan 56 responden (56%) adalah perempuan. Bagi faktor umur, seramai 99 responden (99%) adalah berumur 18-25 tahun dan ke bawah manakala 1 responden (1%) berumur 26 tahun ke atas. Bagi maklumat program pengajian, didapati seramai 50 responden (50%) adalah pelajar dari sijil Pastrri dan seramai 50 responden (50%) dari pelajar Sijil Kulinari. Bagi maklumat mengenai kekerapan penggunaan bengkel dalam seminggu, didapati 2 responden (2%) menggunakan bengkel adalah sebanyak sekali seminggu, 7 responden (7%) menggunakan bengkel sebanyak dua kali seminggu, 47 responden (47%) menggunakan bengkel sebanyak tiga kali dan 44 responden (44%) menggunakan bengkel sebanyak empat kali.

Jadual 1 Peratus dan kekerapan Responden Kajian

Maklumat Responden		Kekerapan	Peratus (%)
<b>Jantina</b>			
•	<b>Lelaki</b>	44	44
•	<b>Perempuan</b>	56	56
<b>Umur</b>			
•	<b>18-25 tahun</b>	99	99
•	<b>26 tahun dan ke atas</b>	1	1
<b>Kursus</b>			
•	<b>Sijil Kulinari</b>	50	50
•	<b>Sijil Pastrri</b>	50	50

Kekerapan Penggunaan Bengkel Dalam Seminggu		
• 1 kali	2	2
• 2 kali	7	7
• 3 kali	47	47
• 4 kali	44	44

Jadual 2 PERATURAN KESELAMATAN

No. Item	Pernyataan	STS(n)	TS(n)	S(n)	ST(n)
1	Saya perlu berdisiplin semasa di dalam bengkel	1 (1%)	0 (0%)	37 (37%)	62 (62%)
2	Saya berpakaian lengkap berkasut, uniform bengkel, bertopi dan apron semasa di bengkel	1 (1%)	0 (0%)	29 (29%)	70 (70%)
3	Saya faham peraturan ketika di bengkel	1 (1%)	0 (0%)	49 (49%)	50 (50%)
4	Saya sedar manual peraturan berada di bengkel.	0 (0%)	0 (0%)	62 (62%)	38 (38%)
5	Saya tahu penggunaan alat pemadam api	2 (2%)	10 (10%)	62 (62%)	26 (26%)
6	Saya memastikan injap gas ditutup sebelum keluar bengkel	0 (0%)	4 (4%)	57 (57%)	39 (39%)
7	Di larang memakai perhiasan diri (rantai tangan)	1 (1%)	2 (2%)	37 (37%)	60 (60%)

#### 4.2 Peraturan Keselamatan Pelajar Hospitaliti Kolej Komuniti Selayang

Bahagian ini menyentuh tentang peraturan keselamatan pelajar hospitaliti Kolej Komuniti Selayang. Majoriti daripada responden 62% menyatakan mereka perlu berdisiplin semasa berada di dalam bengkel. Sebanyak 70% responden menyatakan sangat setuju berpakaian lengkap semasa di bengkel.

Hampir kesemua responden faham peraturan ketika berada di bengkel. Sebanyak 62% responden setuju dan menyedari manual peraturan berada di bengkel Kolej Komuniti Selayang. Ramai dikalangan responden setuju iaitu 62% tahu penggunaan alat pemadam api. Memastikan injap gas ditutup sebelum keluar bengkel responden tertinggi bersetuju iaitu 57%. Sebanyak 60% tahu larangan pemakaian perhiasan.

Jadual 3 PERSEKITARAN BENGKEL

No. Item	Pernyataan	STS(n)	TS(n)	S(n)	ST(n)
1	Memastikan persekitaran tempat bekerja di bengkel kemas dan teratur	0 (0%)	0 (0%)	31 (31%)	69 (69%)
2	Memastikan lorong laluan tidak disekat oleh halangan	0 (0%)	0 (0%)	46 (46%)	54 (54%)
3	Memastikan terdapat laluan kecemasan keluar masuk di bengkel	0 (0%)	1 (1%)	44 (44%)	55 (55%)
4	Memastikan lantai bersih dari minyak, habuk, air dan bahan-bahan tidak selamat	0 (0%)	1 (1%)	43 (43%)	56 (56%)
5	Memastikan sistem pengudaraan di bengkel adalah keadaan baik	0 (0%)	1 (1%)	44 (44%)	55 (55%)
6	Memastikan pelajar melakukan amali di tempat yang ditetapkan di bengkel	0 (0%)	2 (2%)	44 (44%)	54 (54%)
7	Memastikan terdapat peti pertolongan cemas di bengkel	1 (1%)	1 (1%)	43 (43%)	55 (55%)
8	Memastikan bengkel sentiasa dalam keadaan terang dan selamat	0 (0%)	0 (0%)	38 (38%)	62 (62%)

#### 4.3 Persekitaran bengkel Pelajar Hospitaliti Kolej Komuniti Selayang

Bahagian ini menyentuh tentang Persekitaran bengkel pelajar hospitaliti Kolej Komuniti Selayang. Sebanyak 69% responden sangat setuju dalam memastikan persekitaran tempat bekerja di bengkel kemas dan teratur. Hampir 54% responden sangat setuju bahawa lorong laluan tidak disekat oleh halangan. Sebanyak 55% responden sangat setuju bahawa adanya laluan kecemasan keluar masuk di bengkel. Begitu juga sebanyak 56% responden sangat setuju memastikan lantai bersih dari minyak, habuk, air dan bahan-bahan tidak selamat. 55% responden sangat setuju yang sistem pengudaraan di bengkel adalah keadaan baik manakala 54% responden sangat setuju bahawa pelajar perlu melakukan amali di tempat yang ditetapkan di bengkel. Sebanyak 55% responden sangat setuju terdapat peti pertolongan cemas di bengkel dan 62% responden sangat setuju bengkel sentiasa dalam keadaan terang dan selamat.

Jadual 4 SIKAP PELAJAR

No. Item	Pernyataan	STS(n)	TS(n)	S(n)	ST(n)
1	Saya bertanggungjawab untuk melaporkan sebarang kerosakan peralatan dibengkel kepada pensyarah	0 (0%)	1 (1%)	50 (50%)	49 (49%)
2	Saya akan mengingatkan rakan tentang keselamatan diri semasa membuat kerja amali di bengkel.	1 (1%)	2 (2%)	47 (47%)	50 (50%)
3	Saya bertanggungjawab memastikan peralatan yang telah digunakan perlu diletakkan di tempat asal.	0 (0%)	1 (1%)	50 (50%)	49 (49%)
4	Saya perlu bertanggungjawab membersihkan bengkel selepas kelas amali	0 (0%)	0 (0%)	54 (54%)	46 (46%)
5	Saya bertanggungjawab untuk melaporkan sebarang kemalangan di bengkel kepada pensyarah	0 (0%)	1 (1%)	53 (53%)	47 (47%)
6	Saya mematuhi arahan yang diberi oleh pensyarah ketika berada di bengkel	0 (0%)	0 (0%)	44 (44%)	56 (56%)

#### 4.4 Sikap Pelajar Hospitaliti Kolej Komuniti Selayang

Bahagian ini menyentuh tentang sikap pelajar hospitaliti Kolej Komuniti Selayang. Sebanyak 50% responden setuju untuk melaporkan sebarang kerosakan peralatan dibengkel kepada pensyarah. 50% responden sangat bersetuju mengingatkan rakan tentang keselamatan diri semasa membuat kerja amali di bengkel. Hampir 50% responden bertanggungjawab memastikan peralatan yang telah digunakan perlu diletakkan di tempat asal dan 54% responden bertanggungjawab membersihkan bengkel selepas kelas amali. Hampir 100% responden bersetuju melaporkan sebarang kemalangan di bengkel kepada pensyarah dan mematuhi arahan yang diberi oleh pensyarah ketika berada di bengkel.

Jadual 5 KEMAHIRAN MENGGUNAKAN PERALATAN BENGKEL

No. Item	Pernyataan	STS(n)	TS(n)	S(n)	ST(n)
1	Saya tahu penggunaan peralatan tangan dan mesin semasa berada di bengkel	0 (0%)	1 (1%)	60 (60%)	39 (39%)
2	Saya sentiasa memastikan peralatan elektrik ditutup selepas digunakan	0 (0%)	0 (0%)	55 (55%)	45 (45%)
3	Saya perlu memastikan pensyarah berada semasa menggunakan peralatan yang berisiko tinggi dalam bengkel.	0 (0%)	1 (1%)	54 (54%)	45 (45%)
4	Saya perlu mematuhi manual prosedur peralatan yang betul semasa menggunakannya di dalam bengkel	0 (0%)	1 (1%)	59 (59%)	40 (40%)
5	Saya memastikan peralatan dapur dalam keadaan baik sebelum digunakan	0 (0%)	2 (0%)	50 (50%)	48 (48%)

#### 4.5 Kemahiran Menggunakan Peralatan Bengkel Hospitaliti Kolej Komuniti Selayang

Bahagian ini menyentuh tentang kemahiran menggunakan peralatan bengkel pelajar hospitaliti Kolej Komuniti Selayang. 60% responden tahu penggunaan peralatan tangan dan mesin semasa berada di bengkel. Hampir 100% responden bersetuju memastikan peralatan elektrik ditutup selepas digunakan. Sebanyak 54% responden setuju perlu memastikan pensyarah berada semasa menggunakan peralatan yang berisiko tinggi dalam bengkel. 99% responden bersetuju untuk mematuhi manual prosedur peralatan yang betul semasa menggunakannya di dalam bengkel dan 98% responden setuju peralatan dapur dalam keadaan baik sebelum digunakan.

#### 5.0 HASIL DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan data yang diperolehi menunjukkan kajian ini bersifat positif dikalangan responden. Analisis yang dibuat menunjukkan hampir 100% daripada responden mempunyai persepsi dan sikap yang positif terhadap tahap kesedaran pelajar hospitaliti terhadap amalan keselamatan bengkel di Kolej Komuniti Selayang. Ini berdasarkan ke atas analisis soalan yang dibuat menunjukkan kebanyakan responden selesa untuk menjawab samada setuju atau sangat setuju sebagai pilihan jawapan mereka. Manakala hanya sebahagian 1% yang tidak setuju dengan soalan yang ditanya ini.

Berdasarkan dapatan dari hasil kajian yang dijalankan persepsi para pelajar hospitaliti di Kolej Komuniti Selayang adalah positif. Berdasarkan peratus yang diperolehi menunjukkan mereka mengetahui tentang peraturan keselamatan, persekitaran bengkel, sikap pelajar dan kemahiran menggunakan peralatan bengkel. Mereka juga sedar akan kepentingan keselamatan semasa berada dibengkel Kolej Komuniti Selayang. Ini menunjukkan penerimaan mereka terhadap tahap keselamatan adalah positif dikalangan pelajar kolej Komuniti Selayang.

## 5.1 PERBINCANGAN

Dalam bab ini, kita akan membincangkan tentang tahap kesedaran pelajar Hospitaliti terhadap keselamatan bengkel di Kolej Komuniti Selayang. Berdasarkan kajian yang diperolehi menunjukkan responden mempunyai persepsi yang positif mengenai tahap kesedaran pelajar Hospitaliti terhadap keselamatan bengkel di Kolej Komuniti Selayang; dimana pelajar mengetahui dan merasakan keselamatan di bengkel adalah sangat penting. Ini dapat membentuk budaya kerja yang positif dan sentiasa menanamkan sikap mementingkan keselamatan dalam apa jua kerja yang dilakukan

Mengikut dapatan item A2, sebanyak 70% responden berpakaian lengkap berkasut, uniform bengkel, bertopi dan apron semasa dibengkel tidak mengganggu responden semasa kerja amali dilakukan. Ini menunjukkan responden tahu mengenai tata-cara pemakaian yang betul dan sesuai. Tata-cara pemakaian yang betul dan sesuai akan boleh mengelakkan kemalangan daripada berlaku. Peribahasa melayu ada mengatakan "mencegah lebih baik daripada merawat".

Dalam dapatan item B5 pula responden mengakui sistem pengudaraan di bengkel adalah berkeadaan baik. Amalan membuka semua pintu dan tingkap sebelum memulakan kerja amali di bengkel menyokong kenyataan di atas. Ini menunjukkan responden sentiasa menjaga pengudaraan dan pencahayaan di bengkel mencukupi untuk mengelakkan kemalangan terutamanya kebakaran apabila melibatkan bahan-bahan yang mudah terbakar seperti gas dan cecair. Sistem pengudaraan yang baik amat perlu untuk mengelakkan pekerja atau pelajar dari menyedut asap beracun atau gas yang merbahaya hasil dari kerja-kerja mengimpal (Nasir, 1987).

Faktor yang boleh mendorong berlakunya kemalangan adalah berpunca daripada sikap pelajar atau pekerja itu sendiri terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan (Laney, 1982). Untuk mengelakkan kemalangan, nilai-nilai yang positif perlulah diterapkan supaya sesuatu kemalangan itu dapat dielakkan. Dalam item C5 hampir 100% responden bertanggungjawab melaporkan sebarang kemalangan di bengkel kepada pensyarah.

Di dalam Jadual 5, kemahiran menggunakan peralatan bengkel item D3 menunjukkan 99 peratus responden atau 99 orang responden sentiasa berhati-hati ketika menggunakan peralatan yang berisiko tinggi di dalam bengkel dengan pengawasan pensyarah. Penggunaan alatan serta mesin adalah banyak dan penggunaan yang salah akan menyebabkan berlakunya kemalangan (Russell, 1980). Responden yang mahu mengendalikan sesuatu alatan dan mesin semestinya mengetahui aspek keselamatan yang perlu diamalkan. Jika responden tidak mempunyai kemahiran yang cukup terutamanya semasa menjalankan sesuatu kerja yang melibatkan penggunaan mesin akan mengakibatkan kemalangan dan kerosakan pada alatan dan mesin tersebut.

## 6. KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa purata keseluruhan responden telah mengamalkan amalan keselamatan bengkel seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Kolej Komuniti Selayang. Pengetahuan merupakan faktor penting dalam melakukan sesuatu kerja. Dengan adanya pengetahuan, sesuatu kerja yang dilakukan akan berjalan dengan lancar. Aspek pengetahuan tentang amalan keselamatan di bengkel adalah penting bagi mengelakkan diri daripada berlaku kemalangan. Aspek ini mampu menentukan tahap kesedaran pelajar tersebut sama ada rendah, sederhana, atau tinggi. Amalan daripada pengetahuan yang diketahui lebih penting ketika melakukan pekerjaan. Menurut Husin (2007), setiap individu itu akan menjadi lebih peka mengenai isu keselamatan dan kesihatan yang ada di makmal dan dapat meningkatkan tahap keselamatan serta kesihatan melalui pengamalan prosedur yang betul dan selama. Manakala menurut Hamdan dan Abdul Majid (1994), pengetahuan dan penggunaan peralatan yang betul dan langkah langkah bagi mengelakkan berlaku kemalangan mesti dipelajari oleh semua individu. Faktor yang mendorong kepada berlakunya kemalangan adalah berpunca daripada sikap pekerja atau pelajar itu sendiri terhadap perkara-perkara yang bersangkutan dengan keselamatan (Laney 1982).

## RUJUKAN

- Ab Aziz Yusof & Intan Osman 2002. *Pengurusan Sumber Manusia. Konsep, Isu dan Pelaksanaan*. Petaling Jaya. Prentice Hall.
- Abu Bakar Hamed. 1998. *Asas Pengurusan Perniagaan (Edisi Kedua)*. Sintok : Universiti Utara Malaysia.
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. 1994. *Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan*. (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)
- Cox, S.J. & Cheyne, A.J.T. 2000 *Assessing Safety Culture in Offshore Environments*. Safety Science 34 :111-129
- Flynn, G. 1994. *Company strive for yawn-free awareness*. Personal Journal 73(7):12-20
- Glendon, A.I. & McKenna, E.F. 1995. *Human Safety and Risk Management*. London : Chapman Hall.
- Kurniotis. 2001. *Curriculum Development in Vocational and Technical Education Planning, Content and Implementation (5<sup>th</sup> ed)*. Allyn and Bacon.
- Laney, J.C. (1982). *Site safety*. London: Contruction Press.
- Muhammad Nazi .2009. *Kajian terhadap Pelaksanaan amalan 5S dalam Sistem Pengurusan Kualiti di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO)*, Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein : Tesis Sarjana
- Mohd. Nasir Ahmad (1987). "Teori Asas Kimpalan Arka." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zohar, D 1980. *Safety Elimate in Industrial Organizations : Theoretical and Applied Implications : Journal of Applied Psychology* 65 :96-102